

Berita Harian  
Isnin 25 Mei  
2009

# Sikap sambil lewa boleh mendorong siswa menciplak

**P**ELAJAR institusi pengajian tinggi perlu mempunyai hala tuju dan prinsip teguh bagi menyahut cabaran alam kampus yang tidak terlepas daripada lambakan tugas serta pelbagai komitmen lain.

Mahasiswa Tahun Tiga, Bachelor Pendidikan (Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Pertama), Universiti Putra Malaysia (UPM), Mohd Syamsul Salleh, berkata jika pelajar mengamalkan sikap sambil lewa atau ambil mudah, mereka pasti akan terjerumus dengan perbuatan plagiat dalam menyiapkan tugas diberikan pensyarah.

Pengerusi Yang Dipertua/ Presiden Majlis Perwakilan Pelajar, Institusi Pengajian

Tinggi Awam itu berkata, jika tugas disiapkan secara plagiat, orang lain tidak rugi melainkan mahasiswa itu sendiri.

"Saya mengakui plagiat begitu sinonim di kalangan mahasiswa dan ramai yang menganggap perbuatan itu sebagai sesuatu yang biasa dan bukan kesalahan.

"Banyak faktornya, mungkin kerana isu ini jarang diketengahkan sebagai persoalan besar atau dijadikan usul perdebatan pelbagai pihak termasuk universiti sendiri.

"Justeru, pemahaman pelajar terhadap bahayanya perbuatan negatif ini tidak mendalam, selain ia sukar ditangani sepenuhnya," katanya.

Mohd Syamsul bagaimanapun berpendapat tidak wajar jika hanya mahasiswa disalahkan sebagai punca berlakunya perbuatan tidak bertanggungjawab itu.

Sambil menyifatkan tidak adil menuding jari kepada sebelah pihak, beliau berkata, perkara itu mungkin boleh diselesaikan jika pihak bertanggungjawab mengambil inisiatif menganjurkan dialog atau bengkel khas membincangkannya.

"Dengan penyertaan pelajar dan pensyarah semua universiti, kita boleh duduk semeja berbincang bagi mencari punca dan jalan penyelesaian bagi mengatasi perkara ini," katanya.